



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KETIDAKHADIRAN IBU BAPA DAN KESANNYA
KE ATAS KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN
EMOSI SEORANG KANAK-KANAK
LIMA TAHUN**

ROZINAH BINTI JUNAIDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian kes ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan ketidakhadiran ibu bapa terhadap kesejahteraan sosial dan emosi seorang kanak-kanak yang dibesarkan di rumah kanak-kanak. Kajian ini juga mengenalpasti tahap perapatan yang wujud di antara seorang kanak-kanak dan pengasuhnya serta kemampuan pengasuh untuk memainkan peranan menyokong pembangunan sosial dan emosi kanak-kanak yang sihat. Data diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian dengan menggunakan senarai semak dan rakaman video. Kajian ini melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berumur lima tahun yang tinggal di rumah kanak-kanak sejak berumur setahun. Dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak ini mengalami kekurangan dari segi membina hubungan positif dengan orang dewasa dan kanak-kanak lain. Perapatan di antara kanak-kanak dengan pengasuh dan sebaliknya, pengasuh dengan kanak-kanak, adalah rendah. Pengasuh juga didapati tidak mampu memainkan peranan untuk menyokong pembangunan sosial dan emosi kanak-kanak dengan cara yang sihat. Kesimpulannya, ketidakhadiran ibu bapa memberi kesan yang kurang sihat ke atas kesejahteraan sosial dan emosi kanak-kanak. Kajian ini memberi implikasi terhadap pengasuh untuk memberi lebih perhatian kepada memenuhi keperluan emosi dan sosial kanak-kanak. Pengusaha hendaklah memberi tunjuk ajar kepada pengasuh untuk menyediakan suasana kehidupan yang lebih mesra dan positif. Pihak berkuasa pula perlu memantau dengan lebih teliti keadaan penghuni rumah kanak-kanak supaya mereka dapat melalui kehidupan dengan lebih bermakna.





ABSENT PARENTS AND ITS EFFECTS ON SOCIAL AND EMOTIONAL WELLBEING OF A FIVE YEAR OLD CHILD

ABSTRACT

This case study focuses on the absence of parents and its effects on the social and emotional wellbeing of a five year old boy. The main objectives of this study are to identify the effects on social and emotional wellbeing of a child who is raised without parental care, the attachment patterns that exist between the child and his caretaker as well as to determine the ability of caretaker to support the social and emotional wellbeing of the child. In this qualitative study, data was collected through interviews, observations, modified checklists and recordings. The study involves a five year old boy who has been living in the orphanage since he was a year old. The findings show that he has difficulty to establish positive relationship with adults and others. Attachment between the boy and his caretaker as well as caretaker and the boy are found to be low. In addition, caretaker is unable to support the social and emotional wellbeing of the child. In conclusion, absence of parents results in unhealthy effects on the wellbeing of the boy. The study implies that the caretaker pay more attention towards fulfilling the social and emotional needs of the boy. The operator of the orphanage should train the caretaker to provide friendlier and positive environment for the boy to live in. The respective authority on the other hand should closely monitor the wellbeing of the young children in orphanages in order to ensure that they are able to experience meaningful childhood.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Soalan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	13





1.8	Kerangka Teoritikal Kajian	16
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.10	Batasan Kajian	18
1.11	Definisi Operasi	20
1.12	Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Ketidakhadiran Ibubapa	26
2.3	Pengertian Sosioemosi Kanak-kanak	29
2.4	Tinjauan Teori Berkaitan Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak	
2.4.1	Teori Perapatan Bowlby (1907-1990)	32
2.4.1.1	Tahap Perapatan Mary Ainsworth (1913-1999)	39
2.4.2	Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1902-1994)	41
2.4.3	Teori Sosial-Kognitif Bandura	45
2.4.4	Teori Perkembangan Sosioemosi Pada Pandangan Islam	48
2.5	Kajian Berkaitan	
2.5.1	Kajian Dalam Negara	55
2.5.2	Kajian Luar Negara	58
2.6	Rumusan	60



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Responden Kajian	67
3.3.1	Latar Belakang Kanak-kanak Lima Tahun	69
3.3.2	Latar Belakang Pengusaha	71
3.3.3	Latar Belakang Pengasuh	72
3.3.4	Latar Belakang Penghuni Lain	72
3.4	Lokasi Kajian	73
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.5.1	Pengumpulan Data Temu Bual	77
3.5.2	Prosidur Pemerhatian	80
3.5.3	Instrumen Kajian	84
3.5.4	Instrumen 1: Senarai Semak Pemerhatian Sosioemosi Kanak-kanak	84
3.5.5	Instrumen 2: Senarai Semak Perapatan Tingkah Laku Perapatan	86
3.5.6	Instrumen 3: Pembinaan Rubrik Tahap Perapatan	88
3.6	Kesahan	90
3.6.1	Triangulasi Data	91
3.6.2	Nota Lapangan Dan Rujukan Diari	92
3.6.3	Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual	92
3.6.4	Pengesahan Penyelia Dan Pakar	93
3.7	Analisa Data	94
3.8	Etika Kajian	96
3.9	Rumusan	97



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	98
4.2	Analisa Pemerhatian Sosioemosi Kanak-kanak	
4.2.1	Hasil Analisa Pemerhatian Sosioemosi	99
4.2.1.1	Konsep Diri Yang Positif	100
4.2.1.2	Kawalan Ke Atas Emosi dan Tingkah Laku Dalam Situasi Berbagai-bagai	102
4.2.1.3	Membina Hubungan Positif Dengan Persekitaran Pembelajaran	103
4.2.1.4	Membina Hubungan Positif Dengan Orang Dewasa Dan Rakan Lain	105
4.2.1.5	Hasil Analisa dan Perbincangan	109
4.3	Analisa Tingkah Laku Perapatan Kanak-kanak Dan Pengasuh	124
4.3.1	Analisa Tingkah Laku Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh	124
4.3.2	Analisa Tingkah Laku Perapatan Pengasuh Dengan Kanak-kanak	126
4.3.3	Hasil Analisa Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh dan Tahap Perapatan Pengasuh Dengan Kanak-kanak Melalui Rekod Naratif	130
4.3.3.1	Hasil Analisa Dan Penerangan Tingkah Laku Perapatan Di Antara Kanak-kanak Dengan Pengasuh	133
4.4	Analisa Berkenaan Peranan Pengasuh Untuk Menyokong Pembangunan Sosioemosi Kanak-kanak Yang Sihat	138
4.4.1	Analisa Peranan Pengasuh Untuk Menyokong Pembangunan Sosioemosi Kanak-kanak Yang Sihat	139





4.4.1.1	Pendapat Pengusaha Tentang Pengasuh	141
4.4.1.2	Pendapat Responden Tentang Pengasuh	142
4.4.1.3	Pendapat Responden Lain Tentang Hubungan Responden Dengan Pengasuh	142
4.4.1.4	Petikan Kata-kata Pendapat Pengasuh Mengenai Responden	143
4.5	Rumusan Dapatan Kajian	145

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	147
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.2.1	Perbincangan Dapatan Bagi Kajian Soalan 1	148
5.2.2	Perbincangan Dapatan Bagi Kajian Soalan 2	155
5.2.3	Perbincangan Dapatan Bagi Kajian Soalan 3	157
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	
5.3.1	Implikasi kepada Pengasuh Rumah Kanak-kanak	162
5.3.2	Implikasi kepada Pengusaha Rumah Kanak-kanak	163
5.3.3	Implikasi kepada Pihak Berkuasa	164
5.3.4	Implikasi Kepada Penyelidik-penyelidik Dalam Bidang Awal Kanak-kanak	165
5.4	Cadangan Untuk Pertimbangan	
5.4.1	Cadangan Kepada Pengasuh dan Pengusaha	167
5.4.2	Cadangan kepada Pihak Berkuasa (JKM)	171



5.4.3	Cadangan Kepada Pengkaji-Pengkaji	172
-------	-----------------------------------	-----

5.5	Penutup	174
-----	---------	-----

BIBLIOGRAFI	175
--------------------	------------

LAMPIRAN	
-----------------	--



SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
2.1 Langkah Utama Dalam Situasi Asas Rasa Selamat Daripada Kanak-kanak Hinggalah Remaja	38
2.2 Peringkat Perkembangan Sosioemosi Erikson	45
3.1 Jadual Lawatan Ke Atas Responden	82
3.2 Senarai Pakar Persetujuan Pembinaan Instrumen Kajian	94
4.1 Gambaran Konsep Diri Yang Positif	101
4.2 Kawalan Ke Atas Emosi Dan Tingkah Laku Dalam Situasi Pelbagai	103
4.3 Membina Hubungan Positif Dengan Persekitaran Pembelajaran	105
4.4 Membina Hubungan Positif Dengan Orang Dewasa Dan Rakan Lain	107
4.5 Tahap Sosiemosi Responden	108
4.6 Tingkah Laku Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh	125
4.7 Tingkah Laku Perapatan Pengasuh Dengan Kanak-kanak	127
4.8 Rumusan Dapatan Perbandingan Hubungan Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh serta Pengasuh Dengan Kanak-kanak Melalui Rekod Naratif	131





SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian	17
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	18
3.1 Proses Pensampelan	69
3.2 Struktur Pengumpulan Data Kualitatif Kajian	77
3.3 Prosedur Temu Bual Dan Pemerhatian Dalam Proses Pengumpulan Data	80
3.4 Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif	83
3.5 Data Analisis Melalui Proses Kualitatif	96
4.1 Perbandingan Kekerapan Di Antara Hubungan Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh Dan Hubungan Perapatan Pengasuh Dengan Kanak-kanak	128
4.2 Carta Ringkasan Perbandingan Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh Dan Pengasuh Dengan Kanak-kanak Melalui Rekod Naratif	132





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
UNICEF	<i>United Nations Children’s Fund</i>
CRC	<i>Convention On The Rights Of The Child</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Protokol Temu Bual Dengan Pengusaha
- A1 Transkrip Temu Bual Bersama Pengusaha
- A2 Transkrip Temu Bual Bersama Responden Kajian
- A3 Transkrip Temu Bual Bersama Responden Lain
- A4 Transkrip Petikan Kata-kata Pengasuh
- B Format Nota Lapangan
- C Contoh Rekod Naratif Responden Untuk Pemerhatian Perapatan
- D Borang Skema Pemerhatian Sosioemosi Kanak-kanak
- E Borang Skema Pemerhatian Tingkah Laku Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh / Tingkah Laku Perapatan Pengasuh Dengan Kanak-kanak.
- F Rubrik Tahap Perapatan Kanak-kanak Dengan Pengasuh Di Rumah Kanak-kanak.

Rubrik Tahap Perapatan Pengasuh Dengan Kanak-kanak Di Rumah Kanak-kanak.
- G Analisa Ringkasan Pemerhatian Kemampuan Pengasuh Mengambil Peranan Sebagai Penyokong Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Yang Sihat
- H Pengesahan Status Pelajar.
Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan.
- I Surat Pengesahan Pakar-Pakar Terhadap Senarai Semak
- J Pengesahan Data Temu Bual Oleh Responden Kajian





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Ibu bapa yang mempunyai anak akan berusaha untuk memenuhi segala keperluan, termasuk perhatian dan kasih sayang kerana berpendapat bahawa ia merupakan tanggungjawab paling utama mereka ke atas anak mereka. Kanak-kanak yang mengalami ketidakhadiran ibu bapa terpaksa bergantung kepada orang lain untuk memenuhi keperluan hidup supaya berpeluang merasa kegembiraan seperti kanak-kanak yang mempunyai keluarga yang lengkap. Secara umumnya, keperluan mereka yang dilihat penting untuk dipenuhi adalah keperluan material.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Namun, tidak ramai yang memahami bahawa kanak-kanak memerlukan keutamaan daripada segi perhatian dan kasih sayang di peringkat awal kehidupan mereka. Justeru, ketidakhadiran ibu bapa memberi kesan yang signifikan kepada kesejahteraan sosioemosi kanak-kanak.

Di dalam tempoh tiga tahun pertama awal kanak-kanak, otak memerlukan pengalaman asuhan yang selamat, menyeronokkan dan penuh kemesraan. Kanak-kanak pada peringkat awal hidupnya sangat memerlukan kasih sayang serta belai mesra orang yang rapat dengannya. Hubungan perapatan yang kukuh dan stabil dengan orang yang terdekat ini memberi kesan kepada perkembangan keseluruhan seorang kanak-kanak. Suasana yang terbaik untuk kanak-kanak membentuk pemikiran yang sihat adalah bersama ibu bapa dan keluarga (Swick, Knopf, Williams & Field, 2013). Jackson dan Fasig (2011) menyentuh tentang keperluan kanak-kanak yang sangat utama, di mana setiap anak yang dilahirkan ke dunia memerlukan hak untuk mendapat hubungan kekeluargaan yang berpanjangan dan berkekalan.

Kanak-kanak yang mencapai peringkat umur lima tahun pula sudah boleh mengawal tingkah lakunya yang difahaminya tidak membawa kebaikan kepadanya, menunjukkan kebolehan melalui arahan secara langsung, menunjukkan minat kepada penceritaan, main peranan, kebolehan menulis dan juga melukis (Cooper, Masi & Vick, 2009). Ini bermaksud bahawa mereka mula meneroka perbezaan di antara yang benar dan fantasi, ingin mengetahui lebih mendalam tentang kewujudan dirinya serta peranan orang-orang yang berada di persekitaran mereka dan mula belajar untuk menunjukkan ekspresi diri melalui perbuatan, bahasa badan dan percakapan. Menurut Schaffer (2004) pada peringkat umur tiga hingga enam tahun ini juga, pembinaan hubungan dengan orang lain amat penting kerana mereka sedang





belajar untuk mengurus ketegangan yang merupakan kesan kepada perapatan dengan individu terdekat dengannya. Hubungan yang terjalin dengan orang lain menyebabkan fungsi psikologi kanak-kanak terbentuk, apabila ia mengaitkan kanak-kanak dengan persekitarannya. Hubungan yang berlaku pada awal kanak-kanak memberi pengaruh yang besar kepada hubungan yang akan terjalin seterusnya.

Situasi ketidakhadiran ibu bapa yang dialami oleh kanak-kanak yang disebabkan oleh faktor peperangan, kemiskinan, kebuluran dan kematian, dinamakan ketidakhadiran ibu bapa bukan sukarela kerana ibu bapa tidak mempunyai pilihan lain untuk membesarkan anak mereka. Situasi ini banyak berlaku di dunia ketiga dan negara miskin, yang menyebabkan ramai kanak-kanak terpisah dari keluarga, hidup tidak menentu serta tidak mempunyai tempat tinggal dan akhirnya menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial. Ketidakhadiran kedua-dua ibu bapa atau separa, iaitu hanya salah seorang ibu atau bapa saja yang tiada atas berbagai-bagai alasan menyebabkan kanak-kanak tidak dapat dibesarkan dalam keadaan yang sempurna. Di negara barat dan negara maju, terdapat juga ketidakhadiran ibu bapa atau separa yang disebabkan oleh keadaan serta pilihan yang dibuat oleh orang dewasa seperti arahan undang-undang atau penghalang sosial yang menyebabkan kanak-kanak tidak dapat dibesarkan dengan baik. Ini dinamakan ketidakhadiran sosial dan dilihat sebagai fenomena yang semakin membimbangkan (Wardle, 2005).

Di Malaysia, biasanya kanak-kanak terpaksa hidup berjauhan dari keluarga disebabkan kematian, ketidak mampuan ibu bapa menanggung kehidupan anak mereka yang disebabkan kemiskinan atau masalah kesihatan yang boleh menyebabkan pengabaian, penganiayaan, ibu bapa dalam tahanan atau pun atas arahan mahkamah (Azlin & Zarina, 2010). Kanak-kanak





tersebut kehilangan tempat berlindung yang kukuh daripada segi fizikal dan sokongan moral, walaupun dari keluarga terdekat seperti saudara mara. Isu ini boleh diselesaikan dengan menyerahkan mereka kepada keluarga angkat di mana keluarga angkat akan melalui prosedur undang-undang untuk membenarkan mereka memelihara kanak-kanak ini. Penyelesaian kedua ialah membesarkan kanak-kanak tersebut di rumah kanak-kanak yang diurus oleh pihak kerajaan atau sukarela untuk satu tempoh tertentu atau sehingga mereka berupaya untuk hidup berdikari.

Kesejahteraan sosioemosi merupakan satu perkembangan yang tidak dapat diukur secara kuantitatif sebagaimana perkembangan kognitif atau fizikal. Justeru, ia kurang diberi perhatian dalam proses pembangunan diri seseorang kanak-kanak. Dalam tulisan Dowling (2005) yang merujuk kepada *Mental Health Foundation United Kingdom*, kanak-kanak seawal empat tahun berisiko untuk mengalami kerisauan dan kemurungan yang berlaku dengan nisbah seorang dalam setiap lima orang. Walaupun tulisannya berkisar tentang isu penekanan yang amat tinggi terhadap pencapaian akademik, ia menggambarkan bahawa kanak-kanak pada usia sangat muda berupaya mengalami simptom yang berpunca dari kepincangan dalam kesejahteraan sosioemosi.

Dalam proses pembesaran kanak-kanak, sudut material saja tidak mencukupi untuk menjadikan kanak-kanak insan holistik, kerana isu dalaman pada diri yang mereka alami mestilah dipandang serius. Ibu bapalah yang bertanggungjawab menyediakan peluang untuk membangun kesejahteraan sosioemosi kanak-kanak supaya mereka dapat hidup dengan gembira. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti adakah terdapat kesan ke atas sosioemosi kanak-kanak yang tidak dibesarkan oleh ibu bapa kandung dan juga melihat perapatan yang wujud di antara individu yang membesarkan dan mengurus kehidupan seharian kanak-kanak dengan kanak-kanak tersebut untuk memastikan sosioemosi yang sihat.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kebolehan untuk mengawal emosi kanak-kanak yang berbagai boleh diajar dengan latihan emosi dan pendekatan untuk menghindari emosi negatif. Perkara ini disebut oleh Katz dan Gottman (1999) di dalam Faridah, Norhiza, dan Zairinah (2014) di mana ibu bapa berperanan memberi latihan emosi supaya dapat mendidik dan membimbing anak mereka untuk mengurus emosi dengan cara yang betul. Hubungan rapat yang terjalin di antara kanak-kanak dan ibu bapanya secara biologi dan secara fizikal bertindak sebagai sistem sokongan yang sangat kukuh dan juga berperanan sebagai perisai kepada pengaruh negatif yang tidak memberi faedah kepada mereka.

Di dalam Islam, ibu bapa mempunyai peranan yang sangat penting ke atas kehidupan anak mereka. Ini kerana kelahiran seorang anak ke dunia bukan hanya hasil daripada tindak balas biologi semata-mata, tetapi merupakan suatu anugerah dari Allah s.w.t yang mesti dijaga dan dididik untuk menjadi manusia yang berbakti kepada ibu bapa, agama, bangsa dan negara. Ibu dan bapa bertanggungjawab mencukupkan keperluan-keperluan utama walaupun sekadar yang termampu. Ini adalah bagaimana digariskan di dalam Al-Quran:

Allah s.w.t berfirman di dalam surah Al-Quran yang bermaksud:

“Dan ibu-ibu yang menyusukan anak-anaknya dua tahun genap, bagi orang yang hendak menyempurnakan susuan. (Kewajipan) ke atas bapa memberi belanja ibu, anaknya itu dan pakaiannya secara makruf, tidaklah diberati seseorang melainkan sekadarnya tenaganya. Tidak mudarat ibu kerana anaknya dan tidak pula (mudarat) bapa kerana anaknya; dan terhadap waris pun demikian juga. Jika kedua ibu bapa hendak menceraikan anaknya dari menyusu (sebelum dua tahun), dengan kesukaan dan mesyuarat antara keduanya, maka tidaklah berdosa keduanya. Jika kamu menghendaki perempuan lain menyusukan anakmu, maka tidak berdosa kamu apabila kamu berikan upahnya secara makruf. Dan takutlah kepada Allah dan ketahuilah, bahawasanya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan”.

(Al-Baqarah: 233)



Setiap ibu bapa mestilah mensyukuri kelahiran anak dan menganggapnya sebagai rahmat, serta merasa belas kasihan dan kasih sayang terhadap insan yang kecil ini. Perasaan kasih sayang inilah yang akan mewujudkan rasa tanggungjawab untuk memelihara anak-anak dengan sebaik-baiknya (Abdullah, 1988).

Rasullulah s.a.w bersabda yang bermaksud:

“Bukan daripada golongan kami, sesiapa yang tidak merahmati yang kecil di antara kita, dan mengenal hak yang besar di antara kita”. (Riwayat Abu Daud dan At-Tirmizi)

Mengikut maklumat Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2015), lebih 80% daripada 1,169 orang kanak-kanak yang menghuni rumah kanak-kanak yang dikendalikan oleh kerajaan sehingga Februari 2014 adalah kanak-kanak yang masih mempunyai ibu atau bapa atau kedua-duanya. Ini bermakna, ramai kanak-kanak yang sepatutnya diberi kasih sayang dan dijaga sendiri oleh pihak ibu bapa telah diserahkan kepada institusi kanak-kanak atas berbagai-bagai alasan seperti kemiskinan, pembuangan bayi, kecacatan dan sebagainya.

Pembinaan sebuah rumah kanak-kanak tidak hanya bertumpu kepada dasar untuk memberi bantuan daripada segi keperluan asas sahaja. Ini kerana kebajikan dan hak kanak-kanak sepertimana dibentangkan oleh *Convention on the Right of the Child (CRC)* merangkumi perspektif yang luas dan meliputi semua perkara yang difikirkan terbaik untuk kanak-kanak termasuk pendidikan, perlindungan, kesihatan, hak-hak mereka seperti hak untuk bersuara, membuat keputusan dan sebagainya. Gaylin dan rakan-rakannya (1978) dalam tulisan Pathmanathan dan Siti Hajar (2013) menyatakan usaha kebajikan sesetengah individu yang mengabaikan serta tidak mengamalkan sikap empati, kasih sayang, mengambil berat serta



komited untuk kesejahteraan golongan yang diberi bantuan, dianggap sebagai suatu limitasi kerja derma amal. Dalam keadaan ini, mereka tidak berjaya membentuk komunikasi dengan berkesan bersama pihak yang hendak dibantu. Justeru, bekerja untuk kanak-kanak yang serba kekurangan dan dalam keadaan yang sangat memerlukan perhatian mestilah diiringi dengan rasa tanggungjawab, kesedaran dan belas kasihan serta kasih sayang yang tinggi sesama manusia.

Merujuk juga kepada hak-hak yang dinyatakan dalam CRC, Pathmanathan dan Siti Hajar (2013) mengkritik institusi penjagaan sosial awam di negara ini yang tidak menghormati hak kanak-kanak untuk bersuara. Ini kerana kanak-kanak seolah dipaksa untuk mengikut program-program intervensi yang dijalankan di institusi terbabit. Keterangan tersebut walaupun merujuk kepada program intervensi, ia juga meliputi institusi rumah kanak-kanak sukarela yang juga mempunyai programnya sendiri. Walaupun program-program dirangka untuk tujuan pendidikan dan kebaikan, namun penghuni tidak banyak diberi peluang untuk menyatakan kemahuan dan bantahan mereka. Kanak-kanak yang dijaga oleh pihak selain daripada ibu bapa sendiri sering tidak memahami mengapa sesetengah keputusan diambil dan mereka sepatutnya mengikut sahaja apa-apa perancangan yang dibuat oleh pihak berkenaan. Ia secara tidak langsung membuat kanak-kanak merasa kecewa dan sedih (Golding, Dent, Nissim & Stott, 2006).

Kajian ini merupakan satu kajian berkenaan seorang kanak-kanak lima tahun yang tidak mempunyai peluang dibesarkan oleh keluarga sendiri sehingga terpaksa diserahkan kepada rumah kanak-kanak dalam keadaan yang sangat memerlukan perhatian dan kasih sayang. Penyelidik ingin mengenal pasti adakah terdapat kesan ketidakhadiran ibu bapa ke atas kesejahteraan sosial dan emosinya, tahap perapatannya bersama pengasuh dan adakah pengasuh mampu menjalankan peranan untuk menyokong pembangunan sosioemosi kanak-kanak yang



sihat. Diharap kajian ini berupaya merintis jalan kepada kajian-kajian yang akan datang berkaitan ketidakhadiran ibu bapa dan kesannya ke atas sosioemosi kanak-kanak di awal kehidupannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Leslie et al. (2005) dalam kajian Debiasi, Reynolds dan Buckner (2012), kanak-kanak yang tinggal di rumah kanak-kanak atau keluarga angkat disedari menghadapi banyak isu perkembangan dan juga mental, tetapi mereka kurang mendapat perhatian yang sepatutnya diperolehi. Tanggapan bahawa perkembangan sosioemosi kurang penting berbanding dengan perkembangan kognitif dan fizikal merupakan titik permulaan kepada ketidak perihatinan terhadap kesejahteraan keseluruhan kanak-kanak.

Institusi untuk mengurus kanak-kanak yang kurang bernasib baik di Malaysia dibahagikan kepada rumah kanak-kanak di bawah kawalan kerajaan iaitu JKM dan rumah kanak-kanak sukarela. Untuk statistik penghuni rumah kanak-kanak pertubuhan sukarela, jumlah yang dinyatakan ialah terdiri hanya daripada pertubuhan yang terpilih untuk mendapat bantuan kewangan atau geran khas oleh JKM. Untuk tahun 2014, terdapat seramai 5,087 orang anak yatim di seluruh negara yang menerima bantuan berjumlah RM8,256,342.00, walaupun bilangan tersebut telah berkurangan daripada tahun sebelumnya, iaitu 5188 orang (KPWKM 2014). Jumlah tersebut menimbulkan persoalan sama ada penghuni rumah kanak-kanak terbabit mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kakitangan atau pengasuh mereka.



Kajian kes yang ditulis Farah Syazrah, Muhammad Fadhil dan Norizan yang bertajuk *Penerimaan Layanan Emosi Anak Yatim Di Rumah Perlindungan: Kajian Di Wisma Yatim Perempuan Islam, Pulau Pinang (2015)* mengupas isu layanan yang diterima oleh penghuni rumah tersebut yang mengalami kemurungan akibat kehilangan ibu dan bapa mereka. Didapati bahawa jumlah kanak-kanak yang ramai menyebabkan kesukaran untuk memberi tumpuan dan perhatian kepada setiap kanak-kanak, terutamanya ketika mereka dalam keadaan kemurungan, walaupun hubungan kanak-kanak dan kakitangan adalah baik. Pengurusan rumah anak kanak-kanak atau yatim biasanya memberi lebih penekanan kepada keperluan fizikal dan kurang memberi perhatian kepada keperluan emosi kanak-kanak. Ini menyebabkan kanak-kanak kekurangan tempat untuk mengadu masalah mereka. Akhirnya mereka hanya memendam perasaan mereka sendiri.



Bilangan kanak-kanak yang ramai menghuni sesebuah rumah kanak-kanak swasta serta kekurangan tenaga pengasuh yang membantu urusan seharian menyebabkan kanak-kanak mengalami kekurangan interaksi sosial dan emosi, terutamanya dengan orang dewasa (Crockenberg, Rutter, Bakermans-Kranenburg, Van Ijzendoorn & Juffer, 2008). Pengasuh yang kurang berkemampuan untuk memberi tumpuan kepada membina hubungan sosial yang efektif menyebabkan penghuni dalam jagaannya tidak berpeluang untuk berinteraksi serta menunjukkan ekspresi diri mereka dengan berkesan. Menurut dapatan kajian yang dinyatakan oleh Azlin dan Zarina (2010) yang dibuat di rumah kanak-kanak di bawah selenggaraan JKM, sebanyak 19.6% saja responden yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pengasuh, manakala hubungan yang rapat (56.5%), tidak begitu rapat (20.8%) dan tidak rapat (3.1%). Namun, hubungan yang kurang rapat di antara pengasuh dengan penghuni boleh diganti sekiranya seorang kanak-kanak mempunyai adik-beradik yang tinggal bersama di rumah tersebut. Ini



bertepatan dengan keperluan kanak-kanak sepertimana yang terkandung di dalam *Standard for Residential Child Care Services, 1994* yang cuba diterapkan oleh JKM di Malaysia.

Menurut Pejabat Perkembangan Kanak-kanak, Amerika Syarikat (*Office of Child Development, 2012*), jumlah sebenar kanak-kanak yang tinggal dalam institusi di seluruh dunia agak sukar ditentukan dengan tepat memandangkan kurangnya kajian di dalam bidang terbabit. Namun, dijangka jumlah kanak-kanak tersebut adalah di antara dua hingga lapan juta orang. Antara ciri utama yang sama tentang rumah kanak-kanak di seluruh dunia ialah jumlah kanak-kanak yang ramai di sesebuah institusi, dengan tenaga pengasuh yang sangat minimum. Walaupun terdapat institusi yang bernasib baik kerana kanak-kanaknya berpeluang untuk menikmati kemudahan daripada segi fizikal, kekurangan daripada segi perhatian dan kasih sayang merupakan satu defisit yang ketara dan tidak dapat dinafikan. .

Kanak-kanak yang hanya mengalami kehilangan salah seorang daripada ibu bapa yang disebabkan penceraian atau kematian, sudah mula merasa dan mengalami kesan sosioemosi akibat daripada kekurangan sokongan moral dan kasih sayang daripada individu yang sangat rapat daripada segi biologi dan kewujudan fizikal dalam kehidupan mereka (MacCallum & Golombok, 2004). Kanak-kanak yang dibesarkan dengan ketidakhadiran ibu bapa sejak awal hayatnya menyebabkan mereka kekurangan pelekatan yang paling utama, iaitu satu entiti yang melahirkan jasad mereka ke dunia. Kesannya sangat mendalam sehingga kanak-kanak mengalami masalah tingkah laku dalaman dan luaran, yang boleh dilihat melalui simptom-simptom semasa zaman kanak-kanaknya lagi dan berkemungkinan kekal sehingga dewasa sekiranya tidak diberi perhatian dengan sebaiknya (Saedah, 2003).

Bayer, Hiscock, Hampton dan Wake (2007); Messer dan Martin (1993), Warren et al. (2006) dalam tulisan Teti dan Crosby (2012) menyebut bahawa perapatan yang wujud di antara ibu dan anak adalah sangat kuat sehingga kemurungan yang dihadapi oleh seorang ibu boleh dijangkiti oleh anaknya. Ini menjelaskan keperluan kepada kehadiran seorang ibu yang merupakan orang pertama untuk disayangi. Tarikan seorang ibu yang merupakan model contoh tauladan kepada anak kelahirannya adalah sangat kuat serta bertindak sebagai rangsangan sosial dan emosi positif yang paling penting serta menjadi ikutan kepada kanak-kanak. Ketiadaan seorang bapa untuk menjadi model kepada anak mereka melalui hubungan bapa dan anak pula merupakan satu lagi kekurangan yang sangat besar kepada kanak-kanak, terutamanya dalam usia yang sangat kecil. Kajian yang dibuat oleh Dumont dan Paquette (2013) merumuskan bahawa walaupun sukar mengenal pasti kekuatan perapatan seorang bapa adalah disebabkan oleh biologi atau fisiologi, perapatan seorang bapa kepada anaknya tidak dinafikan dapat memberi kesempatan untuk anak mengenali dunia di luar daripada kediamannya. Perapatan bapa dan anak bukan hanya mewujudkan perasaan selamat kepada anak, tetapi juga mendidik anak untuk memahirkkan aktiviti sosialnya.

Penyelidik merasa sangat perlu untuk mengupas isu ketidakhadiran ibubapa dan kesannya ke atas sosioemosi kanak-kanak berumur lima tahun yang menghuni rumah kanak-kanak atas sebab-sebab yang telah dinyatakan. Ibu bapa yang tiada di sisi semasa proses pembesaran anak menyebabkan anak hilang, bukan hanya tempat bergantung dari segi material, tetapi kekosongan dalaman yang sukar diganti oleh orang lain. Kanak-kanak yang terpaksa dibesarkan di rumah kanak-kanak pula mempunyai peluang untuk merasa kebahagiaan sebagai ahli keluarga yang besar sekiranya kasih sayang dan perhatian diberi dengan sebaiknya.